



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

**PERUTUSAN
YANG BERTAMBAH
DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI JAAFAR
MENTERI KESIHATAN
SEMPENA HARI TANPA TEMBAKAU SEDUNIA 2023**

**TEMA:
“KITA PERLU MAKANAN, BUKAN TEMBAKAU”
“WE NEED FOOD, NOT TOBACCO”**

31 MEI 2023

1. Tembakau terbukti membahayakan kesihatan. Setiap tahun, lebih dari 8 juta kematian di seluruh dunia adalah disebabkan oleh penggunaan tembakau. Dianggarkan 1.3 bilion orang di seluruh dunia adalah pengguna tembakau dan 80% daripadanya adalah terdiri daripada rakyat dari negara-negara yang berpendapatan rendah dan sederhana. Data juga menunjukkan, seramai 349 juta orang menghadapi ketidakamanan makanan akut (*acute food insecurity*); yang mana majoriti mereka ini berada di negara-negara yang menggunakan kawasan tanah yang luas untuk menanam tembakau. Perkara ini setentunya menyumbang kepada kesan ekonomi yang negatif disebabkan oleh kesan buruk penanaman tembakau terhadap kesihatan, alam sekitar dan sosial.
2. Oleh yang demikian, Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia pada tahun ini mempunyai tema ‘**Kita perlu makanan, bukan tembakau**’ (***We need food, not tobacco***). Tema ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terutamanya, petani-petani tembakau dari negara-negara pengeluar tembakau, mengenai tanaman alternatif yang lebih sihat, berdaya

tahan dan mampan (*healthy, resilient and sustainable crops*). Kempen ini juga bertujuan untuk menggalakan kerajaan untuk menamatkan subsidi penanaman tembakau, dan sebaliknya menyokong para petani untuk beralih kepada tanaman yang lebih mampan, dan seterusnya meyumbang kepada peningkatan keselamatan makanan (*food security*) dan nutrisi (*nutrition*). Dalam masa yang sama, kempen ini juga mendukung matlamat kedua agenda Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) 2030 iaitu sifar kelaparan (*zero hunger*), yang mana sasarannya adalah untuk menamatkan kelaparan, mencapai jaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan.

3. Tembakau bukan sahaja membahayakan kesihatan penggunanya, tetapi juga membahayakan kesihatan petani dan keluarga mereka. Seorang daripada empat orang petani tembakau akan menghidapi penyakit *Green Tobacco Sickness* atau keracunan nikotin, yang disebabkan oleh nikotin yang menyerap melalui kulit semasa memegang daun tembakau. Semasa proses penanaman dan penuaian tembakau, tahap nikotin yang boleh menyerap ke dalam badan para petani adalah bersamaan dengan menghisap 50 batang rokok setiap hari. Selain itu, para petani tembakau juga adalah terdedah kepada habuk tembakau dan racun kimia yang lain. Mereka juga boleh membawa bahan kimia yang merbahaya ini ke kediaman mereka melalui badan, pakaian dan kasut mereka, yang kemudian boleh mendedahkan bahan-bahan ini kepada keluarga mereka, terutamanya kanak-kanak. Manakala semasa proses pengawetan tembakau pula, para petani juga menghidu sejumlah besar asap tembakau, yang mana meningkatkan risiko untuk menghidap penyakit kronik paru-paru dan masalah kesihatan lain.

4. Risiko kesihatan akibat pengendalian daun tembakau dan bahan kimia semasa proses pengawetan adalah lebih tinggi bagi wanita dan kanak-kanak. Kanak-kanak adalah lebih berisiko tinggi memandangkan berat badan mereka yang rendah tetapi boleh menyerap tahap nikotin yang sama seperti orang dewasa. Wanita mengandung pula mempunyai risiko keguguran yang lebih tinggi berbanding dari wanita mengandung yang tidak terlibat dengan pertanian tembakau.

5. Selain dari menjejaskan kesihatan, petani tembakau, penanaman tembakau juga menjejaskan alam sekitar. Setiap tahun, dianggarkan 200,000 hektar hutan akan dimusnahkan bagi penanaman tembakau. Penanaman tembakau juga memerlukan penggunaan racun perosak dan baja yang banyak, yang mana boleh menyumbang kepada kemerosotan tanah. Kemerosotan tanah yang berpanjangan akan menyebabkan tanah menjadi seperti padang pasir. Setiap tahun, sekitar 3.5 juta hektar tanah musnah disebabkan oleh penanaman tembakau dan tidak lagi boleh digunakan untuk menanam tanaman lain. Manakala penggunaan racun perosak dan baja yang banyak juga mencemarkan persekitaran sekeliling, seperti tasik dan sungai, yang mana boleh menjejaskan hidupan akuatik dan seterusnya menjejaskan ekosistem dan menyumbang kepada kehilangan biodiversiti.

6. Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam bukanlah negara pengeluar tembakau. Walaubagaimanapun, permintaan dalam negara terhadap produk tembakau khususnya rokok dan rokok elektronik adalah masih tinggi. Menurut kajiselidik STEPS NCD 2016, sebanyak 19.9% atau kira-kira 50-60

ribu rakyat di negara ini yang berumur di antara 18-69 tahun adalah perokok iaitu 36.3% di kalangan lelaki dan 3.7% di kalangan wanita. Manakala hasil dapatan dari kajiselidik *Global School Health Survey (GSHS) 2019* pula menunjukkan 9.8% remaja yang berumur 13-17 tahun adalah perokok, 15.4% remaja lelaki dan 4.3% remaja perempuan. Pengguna rokok elektronik di kalangan remaja yang berumur 13-15 tahun pula adalah 13.3%, yang mana 19.0% adalah di kalangan remaja lelaki dan 7.1% adalah di kalangan remaja perempuan. Statistik ini menunjukkan Negara Brunei Darussalam juga adalah menyumbang kepada kemerosotan alam sekitar dan ketidakamanan makanan (*food insecurity*) dan secara tidak langsung menyokong industri tembakau.

7. Oleh yang demikian, sempena dengan sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia pada tahun ini, marilah kita sama-sama bertekad dan berusaha dengan lebih gigih untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara bebas tembakau. Setiap individu perlu memberikan sokongan kepada ahli keluarga, kawan dan orang disekeliling mereka mereka yang ingin berhenti merokok atau menggunakan rokok elektronik. Sama-samalah kita berganding bahu untuk menjaga dan melindungi kesihatan dan kesejahteraan diri, keluarga, rakan, masyarakat dan seterusnya menyumbang kepada masa depan negara yang lebih sihat dan mampan bagi semua.

-TAMAT-